

## **SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA**

1. Pemegang lesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007 dan segala arahan serta peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Selayang dari masa ke semasa.
  
2. Syarat-syarat Pelesenan Penjaja
  - 2.1 Lesen ini tidak boleh dipindah milik kepada orang lain tanpa kebenaran MPS.
  
  - 2.2 Lesen ini hendaklah disimpan dengan selamat.
  
  - 2.3 Keadaan gerai/kereta tolak dan sebagainya hendaklah cantik, bersih selamat dan sesuai digunakan mengikut saiz lot yang ditetapkan.
  
  - 2.4 Pembinaan kekal atau sambungan adalah dilarang sama sekali.
  
  - 2.5 Pemegang lesen boleh menamakan 3 orang nomini/pembantu.
  
  - 2.6 Penjaja dilarang menjaja 9m dari simpang jalan, 3.6m dari pili bomba, di tangga kakilima dan di tempat larangan seperti dalam jadual 1 UUK.
  
  - 2.7 Penjaja beredar hendaklah berniaga secara beredar dan tidak boleh tinggal tetap di satu tempat.
  
  - 2.8 Pemeriksaan Kesihatan oleh Doktor Perubatan hendaklah dilakukan 1 tahun sekali.
  
  - 2.9 Kayu api dilarang digunakan.
  
  - 2.10 Kebersihan gerai, dapur dan tempat makan haruslah diutamakan.
  
  - 2.11 Sampah hendaklah dimasukkan dalam beg plastik dan jangan menyebabkan tumpahan cecair dan sebagainya.

- 2.12 Penjaja digalakkan menanam bunga dalam pasu untuk tujuan pengindahan.
- 2.13 Pemegang lesen hendaklah mempamerkan harga barang jualan.
- 2.14 Pengendali makanan dilarang merokok, meludah dan melakukan perkara yang boleh menyebabkan penyebaran kuman dan sebagainya.
- 2.15 Lesen ini boleh dibatalkan tanpa sebarang notis oleh Majlis Perbandaran Selayang.
- 2.16 Denda sehingga RM 1000,00 boleh dikenakan di atas sebarang kesalahan.
- 2.17 Majlis Perbandaran Selayang boleh menurut budi bicaranya menggantung, membatalkan atau tidak memperbaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.